

Kos pengendalian tinggi, tenaga pekerja kurang

B-H 17/12/07 M/S 9

MASALAH pengendalian tapak pelupusan sisa pepejal boleh memberi pelbagai kesan sampingan kepada penduduk berhampiran dan menjejaskan kualiti alam sekitar. Apatah lagi apabila ia berada berhampiran kawasan aliran air yang menjadi sumber minuman penduduk sekitarnya.

Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar, Datuk Rosnani Ibarahim, berkata keadaan tapak pelupusan sisa pepejal di negara ini kebanyakannya tidak mengikut piawaian kerana tidak menggunakan kaedah sanitari, sekali gus mampu mendatangkan pelbagai masalah terhadap kualiti alam sekitar.

Katanya, kaedah sanitari mampu meminimumkan masalah dari tapak terbabit seperti mengurangkan masalah bau, selain mengelakkan air sampah iaitu *leachate* daripada mencemarkan sungai serta menjejaskan kehidupannya.

Namun, katanya, masalah utama ialah kebanyakan tapak pelupusan itu berusia lebih 20 tahun dan sukar dinaik taraf menggunakan kaedah sanitari. Apa yang mungkin mampu dilakukan ialah memastikan semua tapak baru menggunakan kaedah itu.

Katanya, masalah penguatkuasaan juga faktor utama isu tapak pelupusan sampah terus menjadi kritikal kerana pada setiap masa akan wujud beberapa tapak haram di sekitar kawasan berhampiran penduduk.

"Kurangnya pemantauan, terutama oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) juga menyebabkan banyak kawasan pembuangan sampah secara haram wujud di sana sini. Ia mungkin disebabkan kurangnya tenaga kerja untuk menjalankan pemantauan ditambah kos pengendalian tapak pelupusan yang tinggi menjadi faktor utama kebanyakan masalah itu gagal ditangani dengan baik.

"Kesedaran orang ramai juga isu utama. Bagi kes tanah persendirian yang dijadikan tapak pelupusan sisa pepejal, ia selama ini bergantung kepada kebenaran daripada pe-

jabat tanah di kawasan PBT masing-masing. Ia juga menjadi satu masalah kerana biasanya ia tidak mengikut prosedur, terutama memastikan kawasan itu berada sekurang-kurangnya 500 meter dari penduduk berhampiran," katanya.

Menjelaskan proses tindakan yang diamalkan jabatannya dalam menangani kes tapak pelupusan haram, beliau berkata, selepas menjalankan siasatan dan mengenal pasti pemilik tanah terbabit, arahan akan dikeluarkan supaya kawasan itu ditutup dan semua sisa pepejal itu perlu dikosongkan dari tapak berkenaan.

Sekiranya ia melanggar akta yang digariskan, tindakan seperti mengenakan denda kepada pemilik tanah akan diambil kerana membenarkan kawasan terbabit digunakan untuk tujuan pelupusan sampah.

Bagaimanapun, katanya, usaha menangani masalah pelupusan sampah yang semakin kritikal pada masa ini seharusnya menjadi

“Masyarakat tidak ambil endah kos pengendalian sisa binaan dan sampah setiap kali melakukan ubah suai rumah. Kontraktor yang diupah akan mengambil jalan mudah membuang sampah dan bahan binaan di mana-mana saja”

Rosnani Ibarahim
Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar

keutamaan semua pihak, terutama komitmen masyarakat dengan memastikan sisa pepejal dari kediaman masing-masing diasingkan dengan kaedah betul seperti tidak memasukkan bahan elektronik dalam plastik yang sama dengan sampah harian.

Sementara itu, beberapa pakar berkaitan pengurusan sisa pepejal di Jabatan Alam Sekitar, Universiti Putra Malaysia (UPM), memberi pandangan berbeza mengenai isu itu, terutama apabila membincangkan risiko sekiranya proses pengendalian tapak pelupusan dan penutupannya tidak mengikut prosedur.

Ketua Jabatan Pengurusan Alam Sekitar UPM, Profesor Madya Dr Zelina Zaiton Ibarahim, berkata ada tapak pelupusan sisa pepejal yang tidak menjalani kaedah penutupan secara selamat sudah dijadikan tapak pembangunan sama ada kilang, perumahan atau kawasan rekreasi.

"Lebih merumitkan ialah apabila tapak pelupusan itu sekadar ditimbus tanpa diasing-

kan terlebih dulu bahan berbahaya seperti alat elektronik yang berisiko menjadi gas beracun dan boleh terbakar.

"Malah, mengikut kajian Agensi Perlindungan Alam Sekitar Amerika Syarikat (EPA), tapak pelupusan sisa pepejal boleh memberi masalah kepada penduduk di sekitar dua kilometer, terutama kepada ibu mengandung dan bayi baru lahir," katanya.

Beliau berkata, kajian oleh satu agensi di Jepun juga mendapati penduduk di kawasan berhampiran tapak pelupusan terdedah kepada risiko penyakit kulit.

Dr Zelina berkata, sekiranya sesuatu tapak pelupusan sisa pepejal ditutup sekalipun, ia masih tidak sesuai dijadikan kawasan projek pembangunan seperti pembinaan perumahan, malah perlu dipantau untuk tempoh 30 tahun bagi memastikan tidak ada kesan kepada alam sekitar.

Pensyarah Bahagian Undang-Undang Alam Sekitar UPM, Profesor Madya Dr Mohd Bakri Ishak, pula berkata PBT sewajarnya dipertanggungjawabkan terhadap semua masalah kewujudan tapak pelupusan haram di kawasan mereka.

"Selama ini tidak ada penguatkuasaan jitu daripada semua pihak menyebabkan tapak itu terus wujud di merata tempat. PBT kena mengambil tindakan tegas kepada pemilik tanah selain mencari langkah segera meminimumkan kesan buruk daripada tapak pelupusan sisa pepejal.

"Denda yang dikenakan kepada pesalah perlu setimpal. Contohnya, jika didapati ada mana-mana pihak yang membuang sisa pepejal atau binaan di tempat yang tidak sepatutnya, denda sepatutnya berdasarkan kos untuk merawat tapak terbabit. Paling tidak, tindakan penjara atau pembatalan lesen mungkin lebih relevan," katanya.

Katanya, berdasarkan maklumat diterima, ada lebih 180 pusat pelupusan beroperasi secara haram sama ada di atas tanah persendirian atau milik PBT di seluruh negara.

